

MSM Program Matematik

Sesi 2010/2011

Majlis Suai Mesra peringkat Program Matematik dengan Ekonomi dan Program Matematik dengan Komputer Grafik telah diadakan serentak pada 8 Julai 2010 di BK2, SST. Majlis ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar-pelajar baru ambilan 2010/ 2011 dengan pensyarah-pensyarah Program Matematik dengan Ekonomi dan Program Matematik dengan Komputer Grafik. Majlis ini juga mengalu-alukan kehadiran satu-satunya pelajar antarabangsa SST dari China untuk ambilan 2010/ 2011 dalam Program Matematik dengan Ekonomi dan 78 orang pelajar lain dari Malaysia dan 32 orang pelajar dalam Program Matematik dengan Komputer Grafik. Dalam majlis ini, Ketua Program Matematik dengan Ekonomi, Prof. Madya Dr. Ho Chong Mun telah memperkenalkan struktur kursus untuk kedua-dua program dan menyampaikan nasihat serta motivasi kepada pelajar-pelajar baru. Seterusnya, setiap pensyarah yang hadir telah diperkenalkan kepada pelajar-pelajar baru.